



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TEKNOLOGI KOMUNIKASI DI ORGANISASI AWAM:
FAKTOR-FAKTOR BERKAITAN PENGGUNAAN KOMPUTER**

ZAMRE BIN YAACOB

FBMK 2001 4

**TEKNOLOGI KOMUNIKASI DI ORGANISASI AWAM:
FAKTOR-FAKTOR BERKAITAN PENGGUNAAN KOMPUTER**

Oleh

ZAMRE BIN YAACOB

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master
Sains di Fakulti Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia**

Ogos 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**TEKNOLOGI KOMUNIKASI DI ORGANISASI AWAM:
FAKTOR-FAKTOR BERKAITAN PENGGUNAAN KOMPUTER**

Oleh

ZAMRE B. YAACOB

Ogos 2001

Pengerusi : Narimah Ismail, Ph.D.

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penggunaan komputer dalam organisasi awam akan membawa impak yang menyeluruh kepada prestasi perkhidmatan awam kerana penggunaan komputer boleh mempelbagaikan kaedah penyampaian perkhidmatan organisasi kepada pelanggan; meningkatkan produktiviti dan kecekapan; serta memperbaiki mutu perkhidmatan. Bilangan komputer yang banyak dalam organisasi bukan satu jaminan bahawa kakitangannya akan menggunakan sepenuhnya. Oleh kerana itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor berkaitan penggunaan komputer di kalangan kakitangan organisasi awam di Semenanjung Malaysia. Faktor-faktor yang di analisis terdiri daripada faktor peringkat individu, organisasi dan persekitaran. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan perkaitan di antara angkubah bebas kajian yang terpilih dengan jangkamasa penggunaan komputer

dalam organisasi; perbezaan yang terdapat dalam angkubah bebas kajian terpilih terhadap jangkamasa penggunaan komputer; dan untuk mengetahui angkubah bebas kajian yang paling kuat menyumbang terhadap jangkamasa penggunaan komputer.

Kajian ini menggunakan borang soalselidik untuk mendapatkan data daripada 163 orang responden dari 48 organisasi awam yang telah memberikan maklumbalas. Data dianalisis menggunakan perisian 'Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) for Windows' versi 10.0.1. Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk diskriptif iaitu meliputi peratus, min dan sisihan piawai. Ujian statistik Pekali Korelasi Spearman, Ujian T, Ujian Anova Sehalu dan Ujian Regresi Berganda digunakan untuk menguji hipotesis kajian.

Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan aplikasi komputer responden secara umumnya adalah baik. Sementara itu kemahiran aplikasi komputer, sikap terhadap penggunaan komputer, kebimbangan komputer, sokongan organisasi terhadap penggunaan komputer, galakkan kumpulan rujukan untuk penggunaan komputer dan penggunaan komputer kumpulan rujukan adalah pada tahap sederhana. Kemudahan komputer yang disediakan oleh pihak organisasi untuk kakitangan adalah memuaskan tetapi penyediaan kemudahan internet masih lagi rendah. Tahap penggunaan komputer responden adalah agak tinggi tetapi majoriti menggunakannya untuk tujuan menaip. Selain itu individu yang mempunyai sikap positif terhadap penggunaan komputer, mempunyai pengalaman menggunakan komputer yang lama, mempunyai tahap kemahiran aplikasi yang tinggi, mendapat

sokongan tinggi dari organisasi dan penggunaan komputer kumpulan rujukan yang tinggi akan lebih lama menggunakan komputer. Sementara individu yang lebih tua dan mempunyai tahap kebimbangan komputer yang tinggi mempunyai tahap penggunaan komputer yang rendah. Responden perempuan pula didapati mencatatkan jangkamasa penggunaan komputer yang lebih lama berbanding lelaki. Hasil kajian juga menunjukkan kemahiran aplikasi komputer adalah angkubah bebas yang paling kuat menyumbang kepada jangkamasa penggunaan komputer dalam organisasi.

Oleh itu, untuk meningkatkan penggunaan komputer dalam organisasi, pihak majikan hendaklah menyediakan kemudahan komputer yang mencukupi dan menyediakan persekitaran kerja yang menyokong penggunaan komputer. Sementara bagi pihak kakitangan pula, mereka mestilah menanamkan minat dan sikap yang positif terhadap penggunaan komputer dan bersedia untuk belajar bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan komputer.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**COMMUNICATION TECHNOLOGY IN THE PUBLIC ORGANIZATION:
FACTORS RELATED TO COMPUTERS USE**

By

ZAMRE B. YAACOB

August 2001

Chairman : Narimah Ismail, Ph.D.

Faculty : Modern Languages and Communication

The use of computer in public organizations will have a great impact on the performance of public services as a whole, because it will enable the organizations to provide a variety of services, improve productivity and skills, as well as improve quality of services. The number of computers in an organization does not guarantee that all staffs will make full use of them. As such, the purpose of this study is to determine the factors associated with computer use among staffs of public organizations in Peninsular Malaysia. The factors studied include individual, organizational and environmental factors. This study aims to determine the relationship between selected independent variables and the duration of computer use in organization; differences between independent variables with the duration of computer use; and the independent variables that contribute the most toward duration of computer use.



Data were obtained from 163 respondents from 48 public organizations and analyzed with Statistical Package for the Social Science version Win - 10.01. Descriptive statistics such as percentages, means and standard deviation were used. Further analysis such as Spearman Correlation, T-Test, One Way Anova and Multiple Regression were used to test the hypotheses formulated.

The findings showed that generally the level of knowledge regarding computer application was high. Skills in using computer, attitude towards computer use, computer anxiety, organizational support for computer use, support from peers and use of computers by peer group members were moderate. Computer facilities provided by the organization were satisfactory but Internet facilities were lacking. Level of computer use was high but the majority used it for word processing. Findings of the study showed that those with positive attitude towards computer use, experienced, skillful in using computers, supported by the organization, and high level of computer use by peers spent more time using computers. Respondents who were older, and with high level of computer anxiety used computers less. Females used the computers for a longer duration compared to male. The main contributing factor towards duration of computer use was skills in computer applications.

In conclusion it is suggested that the organization provide adequate computer facilities, and provide a supportive environment for the staffs. On the other hand the staffs of the organization must be instilled with interest and positive



attitude towards computer as well as be ready to increase the knowledge and skills in computer use.



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya, tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penyelia tesis ini, Dr. Narimah Ismail, Profesor Madya Dr. Hj. Musa Abu Hassan dan Profesor Madya Dr. Md. Salleh Hj. Hassan yang banyak meluangkan masa dan menyumbang buah fikiran sehingga tesis ini menjadi kenyataan. Saya juga berasa amat terhutang budi kepada Encik Jusang Bolong yang sudi berbincang dengan saya dalam menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada 163 orang responden yang telah memberikan kerjasama yang baik untuk menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, saya dedikasikan tesis ini kepada keluarga tersayang khususnya kepada ibu saya Masetah Yaakob dan adik-adik saya Ramlah, Jamilah dan Noriah yang telah banyak berkorban untuk kejayaan saya dalam pengajian.

Sekian terima kasih.

"Hanya Allah Sahaja Yang Mampu Membalas Jasa Mereka"

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
LEMBAR PENGESAHAN	ix
PERNYATAAN KEASLIAN	xi
SENARAI KANDUNGAN	xii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xix

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Kenyataan Masalah	6
	Objektif Kajian	10
	Objektif Umum	10
	Objektif Khusus	11
	Kepentingan Kajian	12
	Limitasi Kajian	13
II	KAJIAN BAHAN BERTULIS	14
	Definisi Teknologi Maklumat	14
	Definisi Komputer	16
	Perkembangan Teknologi Maklumat Di Malaysia ...	17
	Penggunaan Komputer Dalam Sektor Awam Malaysia	21
	Pengaruh Faktor Individu Terhadap Penggunaan Komputer	23
	Sikap Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan	24
	Kebimbangan Komputer	28
	Pengalaman Menggunakan Komputer	32
	Kemahiran Aplikasi Komputer	32
	Taraf Pendidikan	33
	Kategori Jawatan	34
	Pengalaman Kerja	34
	Umur	35
	Jantina	36



	Pengaruh Faktor Organisasi Terhadap Penggunaan Komputer	37
	Sokongan Organisasi	37
	Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Penggunaan Komputer	39
	Galakan Kumpulan Rujukan	40
	Penggunaan Komputer Kumpulan Rujukan ...	41
	Kesimpulan	42
	Teori Resapan Inovasi	43
	Pembentukan Rangka Konsep	50
	Hipotesis Kajian	52
III	METODOLOGI KAJIAN	54
	Lokasi Kajian	54
	Populasi dan Persampelan	54
	Instrumen Kajian	59
	Pengukuran Angkubah Kajian	61
	Penggunaan Komputer	61
	Sikap Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan	62
	Kebimbangan Komputer	63
	Pengalaman Menggunakan Komputer	64
	Pengetahuan Aplikasi Komputer	64
	Kemahiran Aplikasi Komputer	65
	Taraf Pendidikan	66
	Kategori Jawatan	66
	Pengalaman Kerja	66
	Umur Dan Jantina	67
	Sokongan Organisasi	67
	Galakan Kumpulan Rujukan	68
	Penggunaan Komputer Kumpulan Rujukan ...	69
	Pra-Uji	69
	Pengumpulan Data	70
	Penganalisan Data	71
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	73
	Faktor Individu	73
	Ciri-Ciri Responden	74
	Pengalaman Dan Pendedahan Terhadap Komputer	77
	Pengetahuan Aplikasi Komputer	79
	Kemahiran Aplikasi Komputer	83
	Sikap Terhadap Penggunaan Komputer	89
	Kebimbangan Komputer	93

Faktor Organisasi	97	
Kemudahan Komputer Di Tempat Kerja	97	
Sokongan Organisasi	99	
Faktor Persekitaran	101	
Galakan Kumpulan Rujukan	102	
Penggunaan Komputer Kumpulan Rujukan ...	103	
Tahap Penggunaan Komputer	105	
Tujuan Menggunakan Komputer	115	
Pemilikan Komputer Di Rumah	118	
Ujian Hipotesis Bagi Angkubah Kajian Di Bawah		
Faktor Individu	121	
Perkaitan Di Antara Faktor-Faktor Individu		
Dengan Penggunaan Komputer	121	
Perbezaan Di Antara Angkubah Dalam Faktor		
Individu Terhadap Penggunaan Komputer	128	
Ujian Hipotesis Bagi Angkubah Kajian Di Bawah		
Faktor Organisasi	132	
Perkaitan Di Antara Angkubah Dalam Faktor		
Organisasi Dengan Penggunaan Komputer	132	
Ujian Hipotesis Bagi Angkubah Kajian Di Bawah		
Faktor Persekitaran	133	
Perkaitan Di Antara Angkubah Dalam Faktor		
Persekitaran Dengan Penggunaan Komputer	133	
Angkubah Utama Yang Menyumbang Kepada		
Penggunaan Komputer	135	
V		
RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN ...	137	
Ringkasan Kajian	137	
Kesimpulan	144	
Implikasi Dan Cadangan	146	
Cadangan Kajian Masa Hadapan	148	
BIBLIOGRAFI	150	
LAMPIRAN	158	
1	Jadual Silang Tahap Pengetahuan Aplikasi Komputer Dengan Jantina, Umur, Jawatan Dan Pengalaman Guna Komputer	158
2	Jadual Silang Tahap Kemahiran Aplikasi Komputer Dengan Umur, Pengalaman Guna komputer, Jantina Dan Jawatan	160
3	Jadual Silang Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Komputer Dengan Jawatan, Jantina, Umur Dan Pengalaman Guna Komputer	162

4	Jadual Silang Tahap Kebimbangan Komputer Dengan Pengalaman Guna Komputer, Jantina, Umur dan Jawatan	164
5	Borang Soal Selidik	166
BIODATA PENULIS		175



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Peratus Borang Soalselidik Mengikut Kawasan Dan Jabatan Tempat Kerja Responden.....	58
2	Peratus Responden Mengikut Ciri-Ciri Demografi	75
3	Peratus Responden Mengikut Pengalaman Dan Pendedahan Terhadap Komputer	78
4	Peratus Responden Mengikut Pengetahuan Aplikasi Komputer	79
5	Peratus Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Aplikasi Komputer	80
6	Ujian Khi Kuasa Dua Angkubah-Angkubah Kajian Terhadap Tahap Pengetahuan Aplikasi Komputer	81
7	Peratus Responden Mengikut Kemahiran Aplikasi Komputer	85
8	Peratus Responden Mengikut Tahap Kemahiran Aplikasi Komputer	86
9	Ujian Khi Kuasa Dua Angkubah-Angkubah Kajian Terhadap Tahap Kemahiran Aplikasi Komputer	86
10	Peratus Responden Mengikut Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Komputer	90
11	Ujian Khi Kuasa Dua Angkubah-Angkubah Kajian Terhadap Tahap Sikap Terhadap Penggunaan Komputer	90
12	Peratus Responden Mengikut Tahap Kebimbangan Komputer	94
13	Ujian Khi Kuasa Dua Angkubah-Angkubah Kajian Terhadap Tahap Kebimbangan Komputer	95



14	Peratus Responden Mengikut Kemudahan Dan Jenis Komputer Di Tempat Kerja	98
15	Jadual Silang Pemilikan Komputer Berinternet Dengan Jawatan	99
16	Peratus Responden Mengikut Item Bagi Sokongan Organisasi	100
17	Peratus Responden Mengikut Tahap Sokongan Organisasi	101
18	Peratus Responden Mengikut Item Bagi Galakan Dari Kumpulan Rujukan	102
19	Peratus Responden Mengikut Tahap Galakan Kumpulan Rujukan	103
20	Peratus Responden Mengikut Item Bagi Penggunaan Komputer Kumpulan Rujukan	104
21	Peratus Responden Mengikut Tahap Penggunaan Komputer Kumpulan Rujukan	105
22	Peratus Responden Mengikut Jangkamasa Penggunaan Komputer Di Pejabat Sehari	106
23	Jadual Silang Tahap Jangkamasa Penggunaan Komputer Dengan Angkubah-Angkubah Bebas Kajian	109
24	Peratus Responden Mengikut Tahap Penggunaan Bagi Tujuan Menggunakan Komputer Di Pejabat	116
25	Peratus Responden Mengikut Sebab Menggunakan Komputer Secara Umum	118
26	Peratus Responden Mengikut Pemilikan Dan Tempoh Pemilikan Komputer Di Rumah	119
27	Jadual Silang Pemilikan Komputer Dengan Jantina Dan Jawatan	120
28	Perkaitan Di Antara Angkubah Dalam Faktor Individu Dengan Jangkamasa Penggunaan Komputer	121



29	Ujian Anova Untuk Membandingkan Penggunaan Komputer Antara Tahap Kelulusan Akademik	129
30	Nilai T bagi Perbezaan Jangkamasa Guna Komputer Di Antara Jantina Dan Jawatan	131
31	Perkaitan Di Antara Angkubah Dalam Faktor Organisasi Dengan Jangkamasa Penggunaan Komputer	133
32	Perkaitan Di Antara Angkubah Dalam Faktor Persekitaran Dengan Jangkamasa Penggunaan Komputer	135
33	Ujian Regresi Linear Berganda Di Antara Angkubah Bersandar Dan Angkubah-Angkubah Bebas	136



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Model Peringkat Dalam Proses Keputusan-Inovasi Rogers	49
2	Faktor-Faktor Berkaitan Dengan Penggunaan Komputer Dalam Organisasi Awam	51
3	Rangka Persampelan Kajian	56



BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Teknologi maklumat (IT) merupakan agenda utama negara pada masa kini dan ia diakui sebagai satu teknologi penggerak strategik untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia dan juga meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Menyedari IT merupakan teknologi penggerak masa depan untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saing ekonomi, pelbagai inisiatif diambil untuk menggalakkan penggunaan dan pembangunan IT. Kempen mengenai kepentingan IT dan celik maklumat telah dibuat dengan begitu meluas oleh pihak kerajaan ataupun agensi swasta melalui pelbagai saluran media massa, sama ada media elektronik ataupun media cetak.

Kemajuan IT dari aspek pengumpulan, pengolahan dan penyebaran maklumat mahupun dari segi kos teknologi yang berpatutan telah menyebabkan sistem maklumat pengurusan menjadi salah satu komponen penting dalam organisasi. Aktiviti-aktiviti seperti mengemaskini rekod, penyimpanan dan pengeluaran rekod serta penghantaran rekod dari satu lokasi ke satu lokasi lain merupakan satu aktiviti yang amat penting dalam proses penganalisan peluang, pengambilan keputusan dan pengawalan pencapaian organisasi. Apabila pihak

atasan dalam organisasi menyadari potensi yang dapat dimainkan oleh IT dalam bidang ini, mereka kini telah mula mempertingkatkan pelaburan dalam bidang ini.

Dalam pengurusan organisasi pula, IT telah terbukti kepentingannya dalam mempertingkatkan produktiviti di kalangan pekerja (Curley dan Pyburn , 1982; Lichtenberg, 1995), meninggikan kualiti persekitaran kerja (Mumford dan Fair, 1979; Walton, 1982; Blakler dan Brown , 1985), memperbaiki mutu keputusan pengurus (Keen dan Scott Morton, 1978; Miller, 1999) dan seterusnya dapat merangsang daya saing organisasi secara keseluruhannya (Ives dan Learmont, 1984; McFarlan, 1984).

Antara perkakasan IT yang amat diperlukan dalam sesebuah organisasi ialah komputer. Sistem komputer telah digunakan oleh kebanyakan organisasi atau syarikat perniagaan bagi mengautomatikkan operasi mereka dan sebagai alat bagi mengendalikan dengan cekap kerja-kerja pemprosesan data di pejabat. Operasi ini banyak tertumpu kepada bidang operasi bantuan, yang melibatkan pengkomputeran sistem penggunaan seperti sistem perakaunan, belanjawan, kakitangan dan gaji. Penggunaan kelengkapan inilah yang boleh menyebabkan bertambahnya produktiviti (Brynjolfsson & Hitt, 1996).

Menurut Shelly (1997), komputer dianggap begitu berkuasa kerana beberapa sebab antaranya kelajuan yang membolehkan data diproses dalam masa yang singkat; kebolehpercayaan iaitu hasil yang dikeluarkan adalah tepat dan konsisten;

ketepatan di mana komputer boleh menyelesaikan masalah yang kompleks dan segala ralat yang terjadi dapat dikesan; penyimpanan yang mudah dan sistematik serta dapat dikeluarkan bila-bila diperlukan; dan akhir sekali adalah komunikasi di mana komputer dapat berhubung sesama sendiri dan berkongsi maklumat yang ada melalui sistem rangkaian.

Komputer yang pada suatu masa dahulu telah digunakan hanya untuk melaksanakan pengiraan, penyimpanan maklumat dan mengeluarkan laporan-laporan, telah digunakan pada hari ini untuk membantu para pekerja berbagai-bagai lapisan di pejabat bagi menambahkan produktiviti mereka. Perkhidmatan komputer telah berubah, daripada pemprosesan data terpusat, kepada perkhidmatan pemprosesan data ternyahpusat dan teragih. Oleh kerana kesedaran ini jugalah komputer telah menjadi satu keperluan dalam pengurusan organisasi masa kini (Shelly, 1997).

Bermula dengan penciptaan *microprocessor* pada tahun 1969 oleh Dr. Ted Hoff daripada *Intel Corporation*, komputer telah berkembang daripada satu teknologi yang asing kepada yang canggih teknologinya dan diperakui pula oleh semua pihak tentang kepentingannya sebagai satu perkakasan yang penting dalam bidang perniagaan, pentadbiran dan juga untuk kegunaan persendirian (Howard, 1986).

Kerajaan Malaysia juga serius dalam menggalakkan masyarakat menggunakan IT. Ini dapat ditunjukkan dengan pemansuhan cukai jualan terhadap semua komponen komputer dan perisian dalam belanjawan 1996 dan ini dapat menggalakkan kuantiti penggunaan komputer di rumah ataupun di tempat kerja (Computimes, 1996). Kerajaan juga memberikan pelepasan cukai pendapatan, skim pinjaman pembelian komputer untuk kakitangan kerajaan dan kebenaran penggunaan wang KWSP untuk pembelian komputer. Di samping itu, kerajaan dengan kerjasama syarikat yang terlibat dalam industri ini telah menganjurkan kempen pemilikan komputer mulai tahun 2000 dengan matlamat 'sebuah rumah, sebuah komputer'. Sepanjang tempoh kempen, pameran komputer telah diadakan dengan menawarkan komputer pada harga yang lebih murah kepada orang ramai (Malaysia, 2001).

Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran komputer terutama di kalangan penduduk luar bandar dan belia, kerajaan melalui Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara menyediakan kursus komputer secara percuma setiap hujung minggu dengan diseliakan oleh pensyarah ILP dan pelatih diberikan sijil penyertaan sebagai motivasi untuk mereka mendalami ilmu komputer (Utusan Megabait, 2001).

Pelaburan kerajaan dalam teknologi maklumat juga semakin bertambah iaitu sebanyak RM1,300 juta pada tahun 1990, RM3,800 juta pada tahun 1995, RM4,840 juta pada tahun 1998 dan RM5,910 juta pada tahun 2000 (PIKOM, 2000).

Pertambahan ini sebahagiannya berpunca daripada penyediaan beberapa insentif fiskal yang diperkenalkan untuk menggalakkan penggunaan teknologi maklumat. Insentif tersebut termasuk penghapusan cukai jualan ke atas komputer dan komponen dan pemberian elaun modal dipercepatkan bagi perbelanjaan ke atas komputer dan peralatan teknologi maklumat yang lain (Malaysia, 1996).

Di sektor perkhidmatan awam pula, perbelanjaan wang kerajaan untuk peralatan berkaitan IT juga menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak RM156 juta pada tahun 1990 kepada RM 380 juta pada tahun 1995 (PIKOM, 1998). Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, proses pengkomputeran pelbagai jabatan dan agensi telah dipercepatkan lagi dengan peruntukan sebanyak RM 1.4 billion (Malaysia, 1999). Laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh menyatakan sejumlah RM976.6 juta telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut dan ianya melibatkan perolehan perkakasan dan perisian, peralatan telekomunikasi, pembangunan sistem dan perkhidmatan nilai ditambah yang lain.

Sementara itu untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 1.6 billion bagi program pengkomputeran di beberapa kementerian dan agensi kerajaan (Utusan Megabait, 2001a).

Pelaburan dalam IT dikatakan satu keperluan memandangkan Malaysia kini sedang memperkukuh asas ke arah pembangunan masyarakat dan ekonomi berasaskan pengetahuan bagi membolehkan ekonomi negara disepadu ke dalam